

Kehidupan Beragama Minoriti Muslim di Korea

Muhammad Fakhrul Hakimi Mohd Zaid

Jaffary Awang

Zaizul Ab Rahman

Jabatan Usuluddin dan Falsafah

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence : Muhammad Fakhrul Hakimi Mohd Zaid (mufha94@gmail.com)

Jaffary Awang (jaffary@ukm.edu.my)

Zaizul Ab Rahman2 (zaizul@ukm.edu.my)

ABSTRAK

Agama Islam adalah agama yang syumul justeru ia mendapat tempat di seluruh dunia dan sesuai dipraktikkan di mana sahaja sepanjang zaman. Bagi minoriti Muslim mereka berdepan dengan beberapa cabaran dalam menghayati kehidupan beragama sebagai seorang muslim. Isu-isu yang sering timbul adalah seperti isu- pemakanan halal, isu kekeluargaan, mualamat dan perundangan. Kertaskerja ini akan membincangkan kumpulan minoriti muslim di Korea mendepani dan mengatasi isu-isu tersebut dalam menterjemahkan kehidupan Islam di Korea. Data ini diperolehi dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif melalui pendekatan temu bual, pemerhatian dan kajian perpustakaan. Kertaskerja ini merumuskan kehidupan beragama muslim di Korea menempuh pelbagai cabaran khususnya dalam menyesuaikan budaya hidup Islam dalam konteks masyarakat bukan Islam memerlukan ketekunan dan ketelitian serta keterbukaan.

Kata kunci: Islam, Muslim minoriti, Korea, kehidupan beragama.

1. Pengenalan

Agama merupakan satu bentuk kepercayaan yang dianuti oleh umat manusia merangkumi aspek ketuhanan, tatacara kehidupan, pantang-larang dan upacara-upacara ritual. Adapun kehidupan beragama merujuk kepada bagaimana sekumpulan manusia itu mempraktikkan ajaran agama yang mereka anuti. Setiap agama mempunyai doktrin-doktrin berkaitan soal kehidupan dan kematian, soal syurga dan neraka, amal baik dan buruk serta lain-lain perkara yang berhubungkait dengan perihal alam ghaib.

Sehubungan dengan itu, penganut beragama akan cuba untuk menjadikan diri mereka seorang yang patuh agar mereka dapat tergolong dalam kategori orang yang baik dan ‘diredhai’ oleh agama mereka. Ini kerana penganut beragama percaya kehidupan yang berpandukan kepada ajaran agama akan mendapat restu dari tuhan dan meraih ganjaran atas apa yang dilakukan samada baik atau buruk. Sesetengah penganut agama yang mempercayai kelahiran semula sebagai satu bentuk ganjaran atas perlakuan dan tindak tanduk mereka seharian.

Selain melalukan apa yang diperintah, setiap agama juga mengandungi larangan-larangan dan tegahan-tegahan terhadap penganutnya. Jika penganut beragama melakukan perlakuan yang dilarang itu, maka mereka akan menerima ganjaran yang berbentuk dosa dan lain-lain keburukan akibat perbuatan tersebut. Meskipun begitu, penganut beragama masih

berpeluang untuk kembali ke ajaran yang sebenar apabila mereka menebus dosa atau bertaubat atas keterlanjuran tersebut. Kepercayaan ini mendorong manusia yang taat terhadap ajaran agama untuk menjalankan kehidupan mereka sesuai dengan apa yang diajarkan oleh agama, iaitu dengan melakukan segala suruhan dalam agama, serta meninggalkan larangan-larangannya.

Dalam konteks Islam, ajarannya berasaskan al-Quran dan as-Sunnah yang menjadi panduan pada kehidupan manusia. Ajaran Islam sangat menekankan umatnya agar mengambil yang halal serta meninggalkan yang haram. Pada masa yang sama, terdapat perintah-perintah yang wajib dilaksanakan, dan larangan-larangan yang wajib dihindari oleh penganut agama samawi ini. Sehubungan dengan itu, tatacara kehidupan yang terkandung dalam ajaran Islam mempengaruhi kehidupan umatnya. Bagi penganut Islam seluruh kehidupan beragama dipandukan oleh ajaran al-Quran dan as-Sunnah.

Berdasarkan perbincangan ringkas dia atas menjelaskan bahawa kehidupan beragama adalah merujuk kepada bagaimana seseorang menjalani kehidupan mereka sesuai dengan ajaran agama yang mereka anuti. Seseorang manusia yang berpegang kepada agama dapat dilihat unsur-unsur keagamaan yang dianuti mereka dalam aktiviti harian mereka. Agama mereka dapat dikenalpasti melalui tatacara kehidupan mereka kerana setiap agama mempunyai ciri-ciri khusus dalam mengatur tatacara kehidupan penganutnya.

2. Kehidupan Beragama Masyarakat Islam Korea

Sarjana Islam mengklasifikasikan agama kepada dua, iaitu agama samawi (langit) dan agama ardhi (bumi). Agama samawi merujuk kepada agama yang bersumberkan wahyu, iaitu dengan memahami bahawa agama itu diturunkan dari langit oleh Allah kepada manusia melalui perutusan Nabi dan RasulNya. Manakala agama ardhi atau agama bumi ialah agama yang diciptakan oleh manusia melalui kepercayaan-kepercayaan tertentu. Menurut definisi yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), agama itu sendiri bermaksud: menganut mengikut sesuatu ajaran, fahaman dsb; penganutan perihal atau perbuatan menganut. (Kamus Pelajar Edisi Kedua t.th)

Kehidupan beragama masyarakat Korea utara boleh dikatakan mempunyai pola yang agak unik. Di Korea, pelbagai agama dan kepercayaan wujud dan masih diamalkan sehingga ke hari ini. Walaubagaimanapun majoriti masyarakatnya tidak menganuti sebarang agama bahkan tidak mempercayai kewujudan tuhan. Kebanyakannya hanyalah berpegang kepada ideologi-ideologi tertentu seperti hak asasi manusia, demokrasi dan lain-lain ideologi yang wujud dalam dunia moden hari ini. Dikatakan hanya separuh daripada populasi keseluruhan masyarakat Korea berpegang kepada agama, sedangkan masih ramai lagi yang tidak beragama. (Koehler 2015: Introduction)

Jika dilihat kepada tradisi silam masyarakat Korea pula, kepercayaan Shamanism menjadi pegangan kebanyakan masyarakat pada ketika itu. Shamanism dianggap sebagai salah satu kepercayaan yang boleh dikategorikan sebagai sebuah agama. Ini kerana dalam kepercayaan ini terdapat unsur penyembahan amalan ritual, kepercayaan melibatkan unsur ketuhanan, upacara-upacara bersempena dengan sesuatu peristiwa juga wujud dalam kepercayaan ini. Sehingga kini, saki baki penganut kepercayaan ini juga dikatakan masih lagi wujud dalam bilangan yang kecil. (Jung 1981)

Walau bagaimanapun Shamanism kian berkurangan. Perkembangan fenomena baru hanya segelintir kecil sahaja yang masih mengamalkannya. Mereka itu kebanyakannya tergolong dalam kalangan warga emas yang telah terdidik dengan kepercayaan itu sejak diawal usia mereka dan mereka berpegang kepada kepercayaan itu dengan pegangan yang kuat hingga ke hari tua mereka. Bagi kaum muda, kehidupan mereka yang dibesarkan dengan

kehidupan moden menyebabkan ritual sebegitu dilihat tidak lagi relevan memandangkan kepercayaan-kepercayaan yang dipegang oleh nenek moyang mereka tidak dapat dibuktikan dengan sains.

Implikasi daripada senario ini, banyak kebudayaan tradisi, kepercayaan dalam agama dan seumpamanya terhakis sedikit demi sedikit dalam kalangan golongan muda belia. Ini ditambah pula dengan kedudukan Korea sebagai sebuah negara maju yang kebanyakannya masyarakatnya tidak mempercayai kewujudan tuhan dan tidak berpegang kepada sebarang agama. Manakala agama pula dianggap sebagai urusan individu semata-mata.

Mengikut statistik yang dibentangkan oleh Syeikh Haji Bashir Kim Dae Yong dalam wacana *To Understand Muslim Minority Country: South Korea Case* anjuran Institut Islam Hadhari di UKM, agama yang paling ramai penganutnya di Korea ialah agama Buddha, dengan jumlahnya seramai 10,321,012 orang. Pada tangga berikutnya, seramai 9,760,336 orang pula menganuti Kristian Protestan. Bagi agama Roman Katolik, penganutnya dianggarkan seramai 2,950,730 menjadikan jumlah ini berada di tangga ketiga. Di tangga keempat pula, agama Confucius mempunyai kira-kira 210, 927 penganut. Agama Islam berada di tangga kelima dengan jumlah populasinya seramai 150,000. Jumlah tersebut merupakan jumlah keseluruhan muslim yang tinggal di Korea termasuk yang datang dari negara-negara Islam. Jika dikhususkan kepada muslim berbangsa Korea sahaja, jumlahnya hanyalah seramai 30,000 orang penganut sahaja. Walau bagaimanapun, jumlah terbesar yang menghampiri kadar separuh daripada keseluruhan populasi rakyat Korea ialah jumlah mereka yang tidak beragama. Ini menjadikan bilangan mereka majoriti dengan populasi seramai kira-kira 20,953,315 orang (Kim 2017).

3. Cabaran Minoriti Muslim Korea

Isu-isu yang seringkali dihadapi dalam kalangan muslim yang berada di negara minoriti muslim umpamanya kesukaran dalam mengerjakan tuntutan agama Islam seperti solat. Tempat ibadah yang terhad, menyebabkan mereka solat di mana sahaja tempat yang sesuai. Ini menjadi cabaran yang sangat besar kerana selain isu tempat ibadat seperti surau atau masjid, isu makanan halal lebih lagi ketara. Jika seseorang muslim itu hidup di negara bukan Islam, mereka akan menghadapi kesukaran mendapatkan makanan halal dalam sesetengah keadaan. Walaupun begitu, akhir-akhir ini, makanan halal mendapat perhatian negara bukan Islam sehingga mereka turut menyediakan restoran-restoran halal. Kebanyakan restoran itu pula diusahakan sendiri oleh orang-orang Islam. Akan tetapi kewujudan restoran halal masih lagi sedikit di sesetengah negara.

Seperkara lagi adalah maklumat berkaitan dengan Islam. Menurut Kim Dae Yong, umat Islam di Korea berdepan dengan kekurangan bahan berkaitan dengan Islam. Akibatnya Islam lebih dikenali berdasarkan kepada media antarabangsa yang sering melabelkan aspek negatif berkaitan dengan Islam. Ini bererti umat Islam Korea perlu menangai sekurang-kurangnya dua isyu besar berkaitan imej Islam. Pertama perlu mempertingkatkan pengetahuan Islam di kalangan umat Islam Korea dalam suasana yang terbatas. Kedua, umat Islam Korea perlu memberi gambaran Islam yang sebenar kepada kalangan masyarakat bukan Islam di Korea. Ini bagi menangkis pandangan nehataif media asing berkaitan Islam.(Utusan Malaysia 1/5/2017)

Ini ditambah pula dengan jumlah umat Islam Korea yang kecil inilah, muslim di Korea menghadapi beberapa rintangan dalam menegakkan syariat Islam pada diri mereka yang perlu kepada mentaati perkara-perkara fardhu ain. Salah satu perkara yang menjadi aspek yang sangat penting dan dititikberatkan dalam Islam ialah solat. Di Korea, jumlah masjid dan surau masih berkurangan. Oleh itu, muslim di Korea akan menggunakan ruang

dimana sahaja yang sesuai untuk mereka bersolat. Aspek berwudhuk yang menjadi syarat sah solat juga menjadi sedikit sukar kerana tiada tempat yang sesuai memandangkan bilik-bilik air atau tandas di sana melarang penggunanya membiasahi lantai. Tandas-tandas pula tidak dilengkapi dengan paip, hanya disediakan tisu sebagai alat untuk bersuci.

Bagi muslim yang bekerja di Korea, selain menghadapi cabaran untuk mencari tempat yang sesuai untuk solat, mereka juga turut menghadapi kekangan dalam mencari ruang waktu untuk solat. Hal ini kerana, Korea merupakan negara maju yang produktif. Maka untuk menjaga produktivitinya, mereka memaksimumkan penggunaan masa kerja sehari. Oleh itu, pekerja-pekerja muslim di sana sesetengahnya tidak diberikan ruang untuk berhenti seketika bagi tujuan mengerjakan solat. Walaupun begitu, terdapat juga syarikat-syarikat mahupun industri yang memberikan keizinan untuk mengerjakan solat setelah pekerja muslim disana berunding bagi mendapatkan budi bicara untuk solat apabila tiba waktunya.

Dalam aspek menutup aurat, muslimah di Korea tidak menghadapi cabaran yang ketara jika pemakaian itu hanyalah untuk kegunaan di rumah mahupun di tempat-tempat awam. Hal ini kerana, tiada polisi berpakaian yang khusus yang ditetapkan untuk orang awam dan pemakaian hijab tidak dihalang oleh pihak berkuasa tempatan. Manakala disisi masyarakatnya pula, mereka tidaklah memandang serong terhadap pemakaian hijab memandangkan berlakunya peningkatan penlancong muslim ke negara Korea. Akan tetapi, apabila di tempat kerja, sesetengah majikan tidak membenarkan pemakaian tudung kerana syarikat atau industri biasanya mempunyai *dress code* yang tersendiri. Walaupun begitu, terdapat sesetengah syarikat atau industri yang tidak begitu menekankan aspek pemakaian ini dan memberikan kebebasan kepada para pekerjanya untuk memakai apa sahaja yang mereka suka asalkan tidak melanggar peraturan dan etika berpakaian di tempat kerja yang ditetapkan (jika ada). (Musa 2017)

Isu yang agak besar bagi umat Islam ialah pemakanan halal. Isu ini, walaupun mendapat perhatian media di Korea, penyediaan makanan halal belum lagi menyeluruh di setiap restoran-restoran. Dengan kata lain, kebanyakan restoran tidak menyediakan makanan halal melainkan beberapa restoran yang sememangnya menyediakan makanan yang tidak mengandungi unsur syubhah seperti restoran *seafood* dan restoran vegetarian. Manakala bagi restoran-restoran lain, walaupun ianya hanya menyediakan daging-daging seperti ayam, lembu, kambing dan sebagainya yang pada syariatnya halal bagi umat Islam, namun status halalnya tidak diyakini dari aspek penyembelihan pula. Aspek lain seperti cara masakan, penggunaan bekas atau tempat penyimpanan yang sama dengan tempat simpanan daging yang tidak halal juga menjadi isu dalam memastikan halal atau tidak sesuatu daging untuk digunakan oleh muslim.

Dalam aspek sosial, masyarakat muslim Korea akhir-akhir ini sudah semakin mudah mengamalkan agama walaupun masih ada cabaran sebagai kelompok minoriti di Korea. Tidak dapat dinafikan, masyarakat mereka sesetengahnya masih lagi mempunyai sudut pandang negatif terhadap Islam akan tetapi, Islamofobia di Korea tidak ketara dan ianya mungkin wujud hanya dalam bilangan yang amat kecil sahaja. Oleh kerana Korea merupakan salah sebuah negara dari benua Asia, maka adat ketimuran yang memiliki leluhur budi yang santun masih lagi terpelihara. Dengan nilai inilah, mereka dapat menghormati antara satu sama lain walaupun berbeza agama, kepercayaan dan adat.

Dalam aspek pendidikan, muslim Korea tidak menghadapi diskriminasi kerana rakyat Korea diberikan kebebasan dalam pendidikan. Untuk mempelajari apa-apa sahaja ilmu-ilmu yang disediakan di sekolah atau universiti, ianya tidak mmenjadi masalah. Akan tetapi, untuk mempelajari bidang pengajian Islam, mereka tidak dapat memperolehinya di sekolah-sekolah dan institusi pengajian kerana sistem pendidikan mereka tidak menyediakan subjek khusus atau silabus mengenai Islam memangdangkan negara Korea bukanlah negara Islam. Jika sekalipun ada warga Korea yang belajar pengajian Islam di luar negara, mereka turut

menghadapi cabaran setelah pulang ke tanah air. Cabaran yang dimaksudkan itu ialah cabaran dalam mendapatkan tempat dan peluang pekerjaan kerana di sana tiada keperluan bagi majikan untuk mendapatkan pekerja dari latar belakang lepasan pengajian Islam. Ini menyebabkan, pengajian Islam bukanlah pilihan utama para pelajar muslim disana. Pembelajaran terhadap agama hanyalah dijalankan secara tidak formal di masjid-masjid atau melalui medium yang didapati dengan inisiatif sendiri seperti buku, internet dan sebagainya.

Walaupun begitu, saban tahun, pemahaman masyarakat awam Korea terhadap Islam semakin bertambah. Masyarakat-masyarakat Korea sudah dapat mengetahui ciri-ciri seorang muslim dengan melihat kepada praktikal mereka seperti pemakaian tudung, solat, dan berpuasa di bulan ramadhan. Amalan-amalan yang dilakukan oleh para muslim ini menimbulkan tanda tanya kepada mereka sehingga mereka mengetahui tentang Islam secara lebih mendalam. Sebagai contoh, seorang pelajar perempuan Malaysia di Korea yang ditemubual oleh penulis berkongsi pengalamannya menghadapi persoalan-persoalan yang diajukan oleh *non-muslim* Korea mengenai Islam. Antara aspek yang seringkali menjadi persoalan ialah mengapakah wanita Islam perlu memakai tudung, persoalan ketuhanan, persoalan solat, juga persoalan mengenai amalan puasa di bulan ramadhan. Dengan sifat ingin tahu yang tinggi, pengetahuan mereka terhadap Islam semakin bertambah. Pengetahuan yang semakin berkembang mengenai Islam ini menjadi salah satu faktor utama peningkatan bilangan muslim di Korea. (Hani 2017)

Dalam sebuah *YouTube channel* yang bernama *Arirang Issue* melalui sebuah video telah mendokumentasikan tentang muslim di Korea berpuasa pada bulan Ramadhan. Dalam kenyataan video yang diterbitkan pada tahun 2013 itu, pengacara menyebutkan bahawa jumlah orang Islam asal Korea ialah sekitar 35,000 orang (Arirang Issue 2013). Sesetengah orang Korea yang memeluk Islam pula adalah kerana pendedahan melalui rakan-rakan muslim di tempat belajar atau di tempat kerja. Mereka yang mempunyai rakan-rakan muslim ini bertanya tentang Islam dan sebahagiannya ada yang tertarik kepada ajaran Islam. Terdapat juga muslim Korea yang memeluk Islam kerana mengambil subjek Bahasa Arab. Dengan pembelajaran Bahasa Arab, banyak perkara yang berhubung-kait dengan Islam terselit dalam ilmu nahunya seperti ayat-ayat al-Quran digunakan sebagai contoh dalam menerangkan ilmu *balaghah*. Ada yang menjadi muslim setelah tinggal di negara muslim selama beberapa tahun atas urusan tertentu seperti menyambung pengajian atau bekerja. Kependudukan yang lama di negara muslim memberikan pendedahan secara langsung dan secara tidak langsung tentang Islam, seterusnya menarik minat mereka untuk lebih mendalami dan memahami agama ini (Kim 2017).

Orang Korea yang baru memeluk agama Islam akan menghadapi beberapa cabaran dalam kehidupannya bersosial dan bermasyarakat. Sesetengah kawan lama yang dahulunya rapat, tiba-tiba menjadi renggang dan mula menjauhkan diri daripada mereka setelah mengetahui agama baru yang dianuti. Ada juga yang menghadapi cabaran daripada ahli keluarga seperti disisihkan, dicemuh dan dibenci. Walaupun begitu, pengkaji dapat menyimpulkan berdasarkan pengamatan dan temubual masyarakat Korea boleh dikatakan mempunyai toleransi yang sangat tinggi kerana kebanyakan orang Korea yang masuk Islam masih lagi boleh berkawan dan hidup dalam susana kekeluargaan walaupun berbeza agama. Situasi ini diberitakan oleh Encik Saufi Khusairi, selaku pemandu pelancong penulis yang juga merupakan bekas pelajar di University dalam perkongsian pengalaman beliau selama berada di sana (Saufi 2017).

Akan tetapi, adakalanya dalam sesetengah keadaan, berlakunya pertembungan antara tuntutan agama dan budaya. Seperti contoh, salah satu budaya masyarakat Korea adalah berparti setelah kejayaan dalam sesuatu kerja, projek atau perusahaan. Kadang-kala dianjurkan majlis-majlis seperti majlis makan malam, majlis hari jadi dan selainnya. Dalam majlis-majlis ini, mereka kebiasaannya akan menjadikan minuman beralkohol sebagai

hidangan, termasuk makanan-makanan yang tidak halal yang lain. Hal ini akan mendatangkan dilema bagi ahli keluarga atau pekerja muslim yang ingin turut serta berparti. Mereka merasa serba salah untuk menolak jemputan itu kerana tidak mahu membuatkan rakan taulan ataupun ahli keluarga tersinggung. Majlis yang diakan pula biasanya akan berlarutan sehingga melangkaui waktu solat menambahkan lagi dilema mereka sebagai seorang muslim (Saufi 2017).

Daripada pertembungan inilah, sesetengah masyarakat Korea memandang sinis dengan agama Islam yang kelihatan seperti ajaran *orthodoxy* atau ajaran kolot yang mengekang umatnya untuk bersuka ria. Sedangkan, Islam membenarkan umatnya untuk bergembira dan bersuka ria selagi mana ianya tidak melampaui batas dan berlebih-lebihan sepertimana yang digariskan oleh syarak. Walaupun begitu, sebagaimana yang penulis nyatakan sebelum ini, masyarakat Korea dapat menerima dan memahami keadaan dan situasi muslim jika mmereka diberikan penjelasan yang sebaiknya. Masyarakat Korea secara amnya merupakan bangsa yang mengamalkan budaya hormat-menghormati antara satu sama lain. Dengan adanya budaya ini, mereka boleh bertolak-ansur dengan muslim di sana setelah mengetahui perkara-perkara yang menjadi pantang larang dalam agama yang tidak boleh dilanggar dan mesti dipatuhi oleh semua umat Islam sebagaimana sepatutnya (Hani 2017).

Perkara yang mendatangkan salah faham masyarakat awam Korea tentang Islam datang daripada sesetengah individu muslim itu sendiri. Sebagai contoh, seorang pekerja muslim dari Indonesia yang bekerja di Korea pernah memohon pekerjaan di tempat sebuah syarikat. Dalam temuduganya itu, beliau ada menyuarakan agar diberikan ruang untuk beliau mengerjakan solat fardhu bila tiba waktunya. Akan tetapi, penemuduga itu enggan memberikan ruang waktu untuknya mengerjakan solat kerana di syarikatnya ada juga pekerja lain yang beragama Islam tetapi tidak pula meminta pelepasan waktu yang khusus untuk menunaikan solat. Ini menunjukkan, orang Islam yang tidak mentaati agamanya dan tidak mempraktikkan Islam sebagaimana sepatutnya akan memberikan tanggapan salah kepada masyarakat lain dalam menilai muslim dan Islam (Musa 2017).

Selain daripada senario diatas, terdapat juga situasi dimana pendakwah yang ingin berdakwah di Korea seperti jemaah *tabligh* dihalang daripada berdakwah. Ini kerana, pendekatan yang begitu *obvious* dengan pemakain jubah dan serban, penerangan yang ‘tergesa-gesa’ untuk menjelaskan tentang konsep Islam yang kompleks, akan menyebabkan golongan sasaran menjauhkan diri. Manakala pendekatan yang lebih wajar sebagaimana yang dicadangkan oleh Imam Bashir Kim ialah dengan jalan yang lembut (Kim 2017).

Satu perkara tentang sikap masyarakat Korea yang agak berbeza dengan sikap masyarakat Malaysia ialah, mereka agak sukar untuk memberikan waktu mereka kepada orang yang tidak dikenali walaupun sekadar untuk menerima bahan edaran bercetak. Hal ini dialami oleh penulis sendiri ketika menjalankan *street dakwah* di Yeido Park, Seoul pada 1 April 2017. Dalam *street dakwah* itu, penulis bersama seorang lagi pelajar Malaysia di Korea cuba mengedarkan empat *pamphlet* menngenai Islam kepada orang awam. Apa yang penulis dapati daripada program *street dakwah* yang dijalankan, walaupun hanya empat *pamphlet* sahaja yang kami perlu edarkan, akan tetapi agak sukar untuk kami mencari seseorang yang boleh memberikan waktunya dan menerima pemberian daripada kami, walaupun pemberian *pamphlet* itu disertakan dengan sedikit buah tangan berbentuk makanan sebagai hadiah. Ini menunjukkan betapa masyarakat Korea amat menjaga keselaman diri mereka daripada sebarang perkara yang boleh dianggap sebagai ‘ancaman’ kepada diri mereka. Mereka tidak akan menerima sesuatu secara sebarang sahaja. Penulis juga difahamkan, hal yang sama turut dialami oleh para *missionary* Kristian yang ingin menggunakan pendekatan yang sama, iaitu dengan memberikan bahan edaran kepada kumpulan sasar. Mereka sukar memperolehi orang yang mahu menerima pemberian walaupun disertakan dengan buah tangan.

Walaupun perkara-perkara yang penulis nyatakan ini lebih menyentuh kepada situasi majoriti masyarakat iaitu non-muslim, akan tetapi apa yang pengkaji cuba untuk kaitkan disini ialah bagaimana mereka melindungi diri mereka daripada menerima penyebaran sebarang perkara termasuk penyebaran ajaran agama. Kefahaman masyarakat mengenai Islam lebih tertumpu kepada apa yang dipaparkan oleh media massa kepada mereka, dan juga bergantung kepada pengalaman mereka sendiri berkawan bersama dengan orang Islam yang mereka kenali di tempat belajar atau tempat kerja. Bagi sesetengah masyarakat Korea yang agak tinggi rasa ingin tahu mereka tentang Islam, mereka akan memperolehi kefahaman yang lebih baik dengan menjalankan inisiatif sendiri seperti mengkaji, membaca mengenai Islam melalui buku-buku maupun internet. Daripada pemahaman itu, mereka yang tertarik dengan keindahan Islam akan membuat keputusan untuk masuk Islam setelah mereka yakin dan percaya dengan kebenaran ajaran ini. Hal ini penulis rumuskan daripada beberapa buah video dari YouTube yang memaparkan pengakuan dan pengalaman saudara muslim dari Korea berkongsi cerita bagaimana mereka menemui Islam, mempelajarinya dan seterusnya menjadi penganut agama Islam.

Apa yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan sebelum ini adalah cabaran-cabaran yang lebih bersifat keindividuan dan *survival* harian masyarakat muslim Korea. Selanjutnya, pengkaji ingin berkongsi dapatan yang pengkaji perolehi mengenai cabaran-cabaran Islam di Korea dalam konteks yang lebih besar sebagaimana yang digariskan oleh Imam Bashir Kim. Dalam wacana bertajuk *To Understand Muslim Minority Country: South Korea Case*, beliau menggariskan terdapat empat cabaran-cabaran yang dihadapi dalam meninggikan lagi syiar Islam di bumi Korea.

1. Kekurangan fasiliti solat

Berlakunya peningkatan terhadap keperluan menubuahkan masjid yang lebih dekat dengan tempat kerja atau residen. Masalah sampingan yang juga wujud ialah dalam melantik orang Islam yang akan menguruskan masjid seperti Imam, wazir masjid dan lain-lain. Jika orang Islam yang akan dilantik itu tidak dapat berbahasa tempatan, adakah khutbah Jumaat patut ditukar bahasa sebagai respon kepada perkara ini? Disamping itu, perkara lain yang turut dihadapi ialah jika kerajaan tempatan mengadakan polisi baru untuk menghentikan pengambilan pekerja asing dari sesetengah negara Islam, maka masjid-masjid mungkin akan menjadi lengang (Kim 2017).

2. Berlakunya peningkatan terhadap permintaan pendidikan Islam dan makanan halal
Timbul keperluan untuk menyediakan pendidikan Islam dalam bahasa yang dituturkan dan boleh difahami oleh pekerja imigran. Selain itu, usaha untuk menyediakan lebih banyak tempat-tempat yang menyediakan makanan halal merupakan usaha yang sangat penting dan usaha ke arah itu mungkin lebih kritikal jika dibandingkan dengan negara yang majoriti muslim. Berlakunya permintaan terhadap makanan halal kerana wujud peningkatan bilangan muslim yang perlu untuk makan di luar berbanding memasak sendiri di rumah disebabkan ketidaaan waktu kerana sibuk dengan urusan kerja (Kim 2017).

3. Hubungan antara komuniti-komuniti muslim yang pelbagai.

Setiap komuniti muslim di Korea (Bangladesh, Pakistan, India, Indonesia, dsb.) mengambil masa untuk menyesuaikan diri untuk hidup bersama komuniti muslim yang lain. Kehadiran pelbagai etnik akan mewujudkan '*ethnic ghettos*' seperti wujudnya *little India*, *little Bangladesh*, dsb. Setiap komuniti etnik cenderung untuk memperjuangkan keperluan tersendiri komuniti mereka. Wujud juga persaingan untuk mendapatkan

pengaruh di peringkat nasional daripada komuniti etnik. Sebagai contoh, buku karya Tariq Ramadhan yang bertajuk *To Be a European Muslim* memberikan gambaran, adakah muslim akan beranggapan bahawa diri mereka adalah rakyat jelata kepada sesebuah negara yang mereka tinggal itu atau sebaliknya (Kim 2017).

4. Hubungan antara komuniti muslim dan non-muslim

Kerajaan negara Korea berharap agar komuniti imigran dapat mengintegrasikan diri dalam kelompok arus perdana, sedangkan setiap komuniti imigran pula cenderung untuk mempamerkan identiti kebudayaan dan keagamaan masing-masing. Wujudnya satu keadaan di mana adanya pendakwah muslim yang ‘tidak sabar’. Mereka tidak memahami bahawa penganutan sesebuah agama baru atau peralihan (*conversion*) agama adalah proses yang berperingkat yang perlu dijalankan secara beransur-ansur. Kebanyakan daripada mereka tidak memahami budaya asal masyarakat Asia seperti Korea dan Jepun yang memiliki sejarah tradisi yang panjang. Risiko daripada sikap yang aggresif dan tidak cermat dalam berdakwah akan menyebabkan timbulkan kesalah-tanggapan terhadap kelompok dai’. Mereka boleh dianggap menyebarkan fahaman ekstrimis (keganasan) dan akan mendorong kepada penyekatan terhadap pengambilan pekerja-pekerja asing yang beragama Islam (Kim 2017).

4. Kesimpulan

Agama Islam adalah agama yang berdiri diatas sebaran dakwah secara hikmah dan mahabbah. Sebagaimana mafhum daripada hadis Nabi, hikmah adalah sesuatu yang hilang daripada umat Islam, di mana kita temuinya, kita harus mengambilnya.

Kehidupan beragama dalam Islam merupakan suatu kewajipan kerana kehadiran agama Islam itu sendiri sebagai pencorak hidup manusia yang disebut sebagai *the way of life* dalam masyarakat Barat. Kehidupan beragama menjadi sempurna apabila seseorang penganut agama itu berusaha mengerjakan suruhan agama dan meninggalkan larangannya.

Dalam masyarakat Korea, agama adalah perkara sampingan yang dikira sebagai urusan individu yang tidak perlu dicampur dengan kehidupan. Bagi kebanyakan mereka, hidup ini tidak dicorakkan oleh agama, akan tetapi agama itu dicorakkan oleh budaya kehidupan masyarakat yang menerima ideologi-ideologi dan doktrin-doktrin daripada dunia luar yang dilihat boleh mendatangkan manfaat untuk kehidupan. Sebagai contoh, ideologi *lesbian, gay, bisexual, transexual (LGBT)* diterima oleh sekolompok masyarakat Korea yang berpegang kepada hak asasi manusia. Manakala dari sudut politik pula, mereka menerima pakai sistem demokrasi dalam tadbir urus negara.

Kehidupan yang dijalankan oleh kebanyakan mereka adalah untuk kelangsungan hidup iaitu dengan bekerja bagi memenuhi keperluan diri dan keluarga. Kehidupan seseorang dikelaskan mengikut kariernya. Karier itulah yang menentukan kedudukan dan status sosial seseorang dalam masyarakat. Orang Korea akan berusaha bermati-matian untuk mencapai cita-cita yang mereka impikan. Apabila usaha yang dijalankan tidak berhasil sebagaimana yang diharapkan, mereka akan melepaskan tekanan dengan meminum minuman keras sehingga mabuk. Lebih parah lagi, apabila sesuatu perkara yang dihajatkan itu begitu diharapkan dalam hidupnya, kegagalan dalam memperolehinya menyebabkan ramai dari kalangan mereka sanggup membunuh diri. Sebagai contoh, gagal dalam kerjaya atau bisnes, gagal dalam percintaandan sebagainya. Kesedihan dan kekecewaan dalam hidup akan mendorong mereka untuk memilih jalan bunuh diri sebagai jalan keluar daripada masalah yang dihadapi.

Keadaan ini menjadi bukti bahawa perlunya agama dalam kehidupan manusia sebagai benteng untuk menjalani kehidupan. Kehidupan agama membolehkan seseorang itu memperolehi kekuatan dalam untuk terus berusaha dan bangkit daripada kegagalan yang dialami.

Kehidupan beragama juga mengajar manusia tatacara yang khusus bagi mengatur manusia agar hidup dalam suasana yang harmoni, bertolak-ansur serta menghormati antara satu sama lain. Walaupun begitu, kehidupan beragama dalam kelompok minoriti sudah tentu akan menempuh kesukaran untuk mengamalkan agama.

Dalam konteks minoriti muslim di Korea, kesukaran-kesukaran yang dihadapi oleh mereka menjadikan mereka seorang muslim yang mempunyai kelebihan berbanding mulim yang tinggal di negara Islam. Orang Islam di Korea perlu berjuang untuk mengamalkan tuntutan asas dalam agama. Pelbagai dugaan yang dihadapi dalam mempertahankan keislaman diri sudah tentu diganjari pahala yang besar disisi Ilahi.

Rujukan

- Abdul Haq. (1985). *Gerakan Islam di Korea dan Indonesia Pada Awal Abad Kedua Puluh: Satu Studi Historis*. Yogyakarta: Dua Dimensi.
- Grayson, J.H. (2013). *Korea – A Religious History*. New York: Routledge Curzon.
- Hani Ihsanuddin. (2017). Forum Perdana [Islam: Bebas atau Terkongkong?] anjuran Kelab Jabatan Usuluddin dan Falsafah (KUFAH) dengan kolaborasi bersama Generasi Mahasiswa Islam Korea (GMIK). 2 April 2017.
- Jung, Young Lee.(1981). *Korean Shamanistic Rituals*. Britain: Mouton Publishers.
- KBS World Radio Arabic Interview with Dr. Abdul Wahab Zahiid Haq*. 2011. Video. Korea: KBS World Arabic.
- Kim, B.D.Y. (2017). *My Hijra Journey (muslim life story)*. Slaid. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Koehler, R. (2015). *Religion in Korea: Harmony and Coexistence*. Seoul: The Korea Foundation.
- Korea Today - Muslims in Korea prepare for Ramadan*. (2013). Video. Seoul: Arirang Issue.
- Musa.(2017). *Pengenalan Muslim di Korea*. Ceramah ringkas, anjuran Ikatan Muslimin Korea (IKMI). 6 April 2017.
- Saufi Khusairi. (2017). *Kehidupan Minoriti Muslim di Korea*. Temu bual, 2 April 2017. *Getir Berdakwah di Korea*, Utusan Malaysia 1/5/2017.
- Yoon, K. S. (1971). *Islam in Korea*. Hartford: Connecticut.